

KEHAMILAN: MERAIH PAHALA BERGANDA



Disediakan oleh:
Dr Zurita Mohd Yusoff

Cara Pelaksanaan Akikah

- Binatang yang disembelih untuk akikah mestilah yang bebas daripada kecacatan atau keaiban yang mengurangkan dagingnya (al-Khin, 2005. 3:636).
- daging akikah itu sunat dimasak menggunakan bahan yang manis. Daging akikah sunat dimasak dengan bahan-bahan yang manis dengan harapan agar akhlak anak yang baru dilahirkan itu juga manis dan baik (al-Haitami, t.t. 4:267). Cara yang afdal adalah mengagihkan daging yang telah dimasak kepada fakir miskin (al-Khin, 2005. 3:636. Ibn Qudamah, 1992. 13: 400).

- golongan fakir dan miskin tidak boleh diabaikan kerana mereka mempunyai hak untuk menikmati daging akikah itu.
- Daging akikah sebenarnya tidaklah wajib dimasak dan diagihkan semua sekali, tetapi boleh dibahagikan kepada tiga bahagian sebagaimana ibadat korban, iaitu satu bahagian untuk golongan miskin, satu bahagian untuk dihadiahkan kepada selain golongan miskin dan sebahagian boleh diambil untuk dimakan oleh orang yang melakukan akikah (al-Khin, 2005. 3:637). Selain itu juga, tulang binatang akikah disunatkan supaya tidak dipecahkan

- Terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aisyah r.a:
- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ: إِنَّ سُنَّةَ شَيْطَانٍ مُّكَافِئَاتِنَّ
عَنِ الْغَلَامِ وَعَنِ الْجَارِيَةِ شَاهٌ تُطْبَخُ جُدُولًا وَلَا يُكَسِّرُ عَظَمٌ
- Maksud: “Disunatkan bagi anak lelaki dua ekor kambing yang sama keadaannya dan bagi anak perempuan seekor kambing. Dipotong anggota (binatang) dan jangan di pecah-pecah tulangnya...”
- Baihaqi dan al-Hakim)

(Riwayat al-

- Hadith ini bermaksud seboleh-bolehnya jangan dipecahkan tulang binatang akikah, sebaliknya hanya dipotong pada sendi-sendinya sahaja. Cara ini menjadi simbol kepada keselamatan anggota badan anak yang baru dilahirkan (al-Khin *et al.*, 2005. 3:637; Ibn Qudamah, 1992: 13, 401).

Mencukur Rambut Bayi

- Selain daripada melakukan akikah pada hari ketujuh kelahiran, disunatkan juga mencukur keseluruhan rambut bayi sama ada bayi lelaki atau perempuan (al-Haitami, t.t., 4:267).
- Ibn Umar telah menyatakan bahawa Rasulullah SAW melarang umatnya mencukur rambut dengan cara yang tidak sempurna atau dinamakan sebagai *qaz'i*. *Qaz'i* bermaksud mencukur sebahagian rambut sahaja dan membiarkan sebahagian yang lain kekal di kepala (Salim Ali Rasyid, 1999: 57). Amalan meninggalkan jambul ketika mencukur rambut bayi juga adalah termasuk sebagai perbuatan *qaz'i*.

- Rambut yang telah dicukur sunat ditimbang dan dinilai dengan perak. Setelah dinilai dengan harga perak dan diketahui kadarnya dalam mata wang, ia sunat disedekahkan kepada fakir miskin (Ibn Qudamah, 1992: 397). Dalam situasi di Malaysia, nilai timbangan tersebut lebih utama disedekahkan menggunakan ringgit Malaysia

- Terdapat juga pandangan lain termasuklah pandangan Ibnu Abbas. Pandangan ini mengatakan rambut yang telah dicukur tadi sunat ditimbang dengan nilai emas (al-Haytami, 2011. 4:268; al-Khin, 2005. 3:637).

Khitān

- penggunaan secara mutlak al-khitān ialah tempat atau bahagian khitan bagi lelaki dan perempuan ('Abd al-Mun'im, t.th., 2: 15). Ulama bersepakat menyatakan bahawa amalan *khitan* ini adalah sunat *mu'akkad* kerana ia tergolong dalam sunat fitrah, namun ia tidak wajar ditinggalkan oleh kaum lelaki (Kan'an, 1997: 208).

- mengikut mazhab al-Syafi'iyyah disunatkan melakukan *khitan* pada hari ketujuh daripada hari kelahiran (Zaydan, 2000: 48), Al-Nawawi juga berpendapat sedemikian iaitu sunat berkhitin pada hari ketujuh (Al-Nawawi, t.th.: 269).

- perintah yang berkait dengan tauhid dan keimanan dan merupakan hak badan yang perlu dilunaskan sama seperti memotong kuku, mencabut bulu ketiak, memotong misai, mencukur bulu ari-ari.
- berkhitan mampu membezakan seseorang Muslim dengan pengikut agama lain. Sebagai contoh (Kan'an, 1997: 209)

- berkhitan dari sudut kesihatan pula adalah kerana ia membawa kepada kebersihan, kecantikan dan memperelok ciptaan serta meredakan syahwat. Berkhitan juga merupakan cara menjaga kesihatan yang sangat baik dengan melindungi seseorang daripada pelbagai penyakit

- Hampir keseluruhan ulama mengatakan khitan bagi lelaki adalah wajib. Pendapat ini merupakan pandangan mazhab al-Syafi'i (al-Nawawi, t.th.: 269; 'Ulwan, 2005, 1:103; Zaidan, 2000, 1: 47).

- ***Khitan Wanita***

- Khitan bagi anak perempuan adalah dengan memotong sedikit kulit bahagian atas daripada faraj anak perempuan. Ia juga dikenali sebagai bahagian yang menyerupai balung ayam yang terdapat antara dua bibir rahim ('Abd al-Mun'im, t.th., 2: 16; Zaidan, 2000. 1: 47; al-Khin, 2000: 75).

- tiada satu nas yang sahih menunjukkan bahawa wajib ke atas kaum wanita itu berkhitan.
- ia adalah bukan perkara wajib, tetapi hukumnya adalah harus